

TARIKH	27/6/2015	MUKASURAT	5
HARI	SABTU	RUANGAN	DALAM HOGERI

Laksana kajian hidupan liar sebelum dan semasa pelaksanaan projek hidroelektrik

Pulihara alam sekitar

Oleh **SYUKRI SHAARI**
pengarang@utusan.com.my

PEMBINAAN Projek Hidroelektrik Hulu Terengganu (HTHEP) yang telah bermula sejak tahun 2010, berjalan dengan lancar dan dijangka siap lebih awal dari tarikh ditetapkan iaitu sekitar hujung tahun ini.

Projek berkenaan yang menelan belanja kira-kira RM1.6 bilion merupakan salah satu antara projek hidroelektrik yang sedang dibangunkan dan bertujuan meningkatkan pembekalan tenaga elektrik ke seluruh negara.

HTHEP meliputi pembinaan Empangan Puah di Sungai Terengganu dan Empangan Tembat di Sungai Tembat.

Daripada aspek manusia dan penduduk di Malaysia, sudah tentu projek tersebut memberi banyak manfaat kepada mereka. Tetapi bagaimana pula dengan hidupan liar yang habitatnya ialah di sekitar lokasi HTHEP?

Adakah hidupan liar seperti gajah, tapir, beruang matahari, monyet dan sebagainya yang hidup di sekitar kawasan projek di bawah tanggungjawab kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu dibiarkan begitu sahaja?

Sudah tentunya tidak! TNB menerusi TNB Research telah merangka Pelan Penyelamatan Hidupan Liar (WRP) untuk tujuan penyelidikan serta pemindahan haiwan-haiwan liar khususnya yang ditemui dalam kawasan projek ini.

Selain sebagai satu usaha memelihara alam sekitar, pelan itu juga dilaksanakan untuk memenuhi syarat kelulusan Penilaian Terperinci Impak Alam Sekitar (DEIA) bagi projek HTHEP yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Penyediaan pelan ini adalah sebahagian daripada proses dalam pembangunan HTHEP. Pelan tersebut telah diluluskan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk rekod dan rujukan.

Penyelidik Unit Alam Sekitar, TNB Research Sdn. Bhd., Aisah Md.

Shukor memberitahu, bagi menajayakan usaha memulihara serta memindahkan hidupan liar itu, Pusat Kajian dan Rehabilitasi Hidupan Liar (WildRec) juga telah dibangunkan.

Menurut Aisah, WildRec ditubuhkan untuk menampung dan memudahkan pelaksanaan kajian dan operasi menyelamatkan hidupan liar ketika proses penakungan Tasik Puah dan Tembat.

Katanya, pusat itu terletak berdekatan dengan pintu utama ke tapak projek HTHEP, meliputi kawasan pembangunan seluas 1,300 meter persegi.



AISAH MD. SHUKOR

"Fungsi utama WildRec adalah untuk menyediakan penjagaan profesional kepada hidupan liar yang sakit dan mengalami kecederaan ketika proses penakungan HTHEP, sebelum dilepaskan ke kawasan lebih hulu yang selamat, jauh daripada kawasan projek atau pun di Hutan Perlindungan Hidupan Liar Sungai Deka," jelas beliau ketika memberi taklimat berhubung usaha

memulihara hidupan liar di sekitar HTHEP kepada wakil-wakil media baru-baru ini.

Selain WildRec, beberapa lagi fasiliti untuk menyelamatkan hidupan liar telah dibangunkan.

Antaranya ialah Pusat Penyelamatan Hidupan Liar Terapung, stor terapung, kem asas sementara, jeti sementara dan 10 pontoon mudah alih.

Pusat Penyelamatan Hidupan Liar Terapung berfungsi seperti WildRec, tetapi lokasinya terletak di atas tasik. Ia turut menjadi lokasi operasi sementara bagi pasukan pemantau dan penyelamat.

Stor terapung pula bertujuan menyimpan peralatan menyelamat serta pemantauan seperti petrol, sangkar, bahan kimia, ubat, perangkap hidupan liar dan sebagainya.

Kem asas sementara dibina sebagai pusat operasi dan kawasan teduhan untuk pasukan pemantau dan penyelamat di kawasan yang melebihi 20 kilometer dari WildRec.

Jeti sementara adalah untuk memudahkan pemungahan hidupan liar yang telah diselamatkan,



Fungsi utama WildRec adalah untuk menyediakan penjagaan profesional kepada hidupan liar yang sakit dan mengalami kecederaan ketika proses penakungan HTHEP, sebelum dilepaskan ke habitat asal masing-masing atau pun Hutan Perlindungan Hidupan Liar Sungai Deka."

AISAH MD. SHUKOR
Penyelidik Unit Alam Sekitar,
TNB Research Sdn. Bhd.

fasiliti dan pekerja ketika operasi penyelamatan hidupan liar, manakala pontoon mudah alih pula bertujuan memberi perlindungan sementara sebelum diselamatkan oleh pasukan penyelamat.

Untuk melaksanakan pelan menyelamat ini, TNB Research

turut dibantu oleh kakitangan dari Jabatan PERHILITAN, Jabatan Perikanan dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan TNB Research, sebanyak 217 mamalia daripada 21 spesis telah diselamatkan sebelum proses penakungan HTHEP dilakukan.

Antara hidupan liar yang diselamatkan meliputi tikus rumah, tikus ibu jari monyet, tupai perut kelabu, mencit rumah, landak raya, pelanduk dan naphu.

Dalam pada itu, sebanyak 232 mamalia daripada 27 spesis berjaya ditangkap ketika proses penakungan iaitu antara bulan Oktober 2014 hingga Mac 2015.

Daripada jumlah itu, pelanduk mencatatkan jumlah haiwan paling tinggi ditangkap dalam tempoh berkenaan iaitu sebanyak 39 ekor.

TARIKH	27/6/2015	MUKASURAT	5
HARI	SABTU	RUANGAN	DALAM HEBERI

Peratusan haiwan yang mati adalah kurang daripada tiga peratus berbanding jumlah keseluruhan haiwan yang berjaya diselamatkan. Punca kematian utama adalah kecederaan akibat serangan haiwan pemangsa dan tidak dapat dipulihkan semasa menerima rawatan di WildRec.

Strategi operasi menyelamatkan semasa penakungan tasik memfokus kepada haiwan yang perlu disel-

amatkan sahaja. Manakala haiwan yang boleh berenang akan dibiarkan tanpa gangguan. Haiwan-haiwan akan mencari perlindungan di kawasan pulau-pulau yang baru terbentuk di atas tasik.

TNB Research turut membuat kajian mengenai impak pembinaan projek empangan kepada pergerakan dan migrasi gajah di kawasan berkenaan.

Hasil kajian TNB Research mendapati sekitar 60 ekor gajah yang terbahagi kepada tiga kumpulan mendiami habitat tersebut.

Lima ekor gajah yang terdiri daripada tiga betina dan dua jantan telah dipasangkan dengan kolar GPS untuk mengesan serta menjejaki pergerakan haiwan itu dan kumpulannya.

Kelima-lima gajah berkenaan turut diberikan tanda pengenalan (ID) iaitu Puah, Sulaing, Sireh, Rong dan Ree.

Kajian itu perlu dilaksanakan memandangkan gajah adalah dalam kategori haiwan yang dilindungi, merujuk kepada Akta Hidupan Liar. Pada masa yang sama kumpulan haiwan ini berpotensi menyebabkan gangguan kepada manusia akibat serangan ke atas ladang-ladang mahupun tanaman yang diusahakan oleh penduduk berhampiran.

Usaha yang ditonjolkan oleh TNB, dalam memelihara serta memulihara hidupan liar haruslah dipuji. TNB bukan sahaja memberi penumpuan kepada pembangunan HTHEP, tetapi pada masa sama melestarikan haiwan liar supaya terus kekal hidup.

Pelan serta program yang telah dirancang oleh TNB dalam memulihara haiwan liar membuktikan bahawa agensi itu komited, bukan sahaja terhadap rakyat di negara ini, tetapi juga dalam usaha memulihara serta melindungi hidupan liar.


info

BEBERAPA OBJEKTIF DI BAWAH WRP

- > Memastikan hidupan liar dalam lingkungan pembangunan projek dapat dipelihara
- > Menguatkuasakan Akta Hidupan Liar 2010 semasa pembinaan empangan
- > Memastikan keselamatan manusia termasuk pekerja dan komuniti sekitarnya
- > Memastikan kejayaan operasi menyelamatkan hidupan liar

Selain itu, WRP juga terdiri daripada beberapa input

- > Tinjauan Tahunan Hidupan Liar I (2013) dan II (2014). Membabitkan mamalia kecil dan besar, herpato-fauna serta avifauna
- > Laporan pemantauan dan penguatkuasaan bulanan (2012-2014)
- > Laporan konflik hidupan liar (2010-2013) Membabitkan gajah, tapir, harimau, beruang matahari dan monyet daun
- > Kajian kolar gajah (2014)
- > Fasa penakungan tasik



PELAKSANAAN projek hidroelektrik TNB sentiasa mengambil kira impak kepada hidupan liar dan alam sekitar dalam memastikan kepentingannya kepada generasi akan datang tetap dilindungi.